



KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

## KENYATAAN AKHBAR

### PROGRAM DESAMALL : PROGRAM PENDIGITALAN USAHAWAN DESA SIRI 1/2023

---

#### KKDW PERUNTUK 1.7 JUTA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM PENDIGITALAN USAHAWAN DESA

PUTRAJAYA, 14 Februari– Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) memperuntukkan **RM 1.7 juta ringgit** untuk Program Pendigitalan Usahawan dengan menyasarkan **seribu usahawan** mendigitalakan perniagaan mereka.

Ketua Setiausaha KKDW, Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun berkata, inisiatif melalui platform Desamall ini adalah strategi di bawah Teras 2 Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) iaitu Keusahawanan Pemacu Pembangunan Ekonomi menerusi pernyataan dasar Membangun Produk dan Memperluaskan Pasaran Termasuk Perniagaan Dalam Talian (*E-Commerce*).

Modul latihan program Pendigitalan Usahawan Desa Desamall ini merangkumi pendigitalan penyediaan kunci kira-kira, pengurusan stok di gudang dan di kedai, pengurusan gerbang pembayaran, akses internet yang optimum dan kemahiran-kemahiran lain berkaitan perniagaan.

"Kita lihat pelbagai program keusahawanan diketengahkan bagi membantu usahawan kecil menjalankan perniagaan dalam talian melalui platform e-dagang, memahami kebolehpasaran produk dan khidmat dalam strategi penjenamaan."

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Program Pendigitalan Usahawan Desa Siri 1/2023 di Putrajaya hari ini.

Turut hadir, Setiausaha Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti KKDW, Encik Mohd Sabri Ramly dan Pengarah Urusan Syarikat eLokal dan Pentadbir Desamall, Encik Ahmad Shah Wahid.

Jelasnya lagi, program ini telah diperkenalkan **pada tahun 2022** dan sebanyak **3 siri program** dilaksanakan di Putrajaya, Pulau Pinang dan Sabah yang memanfaatkan seramai **706 usahawan** di bawah program pendigitalan usahawan ini.

Sehingga **31 Disember 2022**, jumlah jualan terkumpul melalui program Desamall adalah sebanyak **RM5.169 juta** dan **Stock Keeping Unit (SKU) sebanyak 28,255** di semua platform eDagang. Manakala, seramai **4,070 usahawan desa** menyertai program Desamall dan memasarkan produk secara talian di platform e-Dagang.

Tambah beliau, KKDW melalui program Desamall sentiasa progresif memanfaatkan teknologi bagi memastikan inisiatif ini terus kekal relevan serta lestari bagi memenuhi keperluan usahawan terutamanya di luar bandar.

Secara am, kuasa digital mencetus fenomena baharu keusahawanan. Kemahiran berniaga dalam memasarkan produk dan perkhidmatan secara talian melalui platform e-dagang seperti Lazada, Shopee, Youbeli memberi ruang untuk usahawan meneroka lebih jauh.

-END-

### **INFO TAMBAHAN**

Untuk rekod, sebanyak tujuh outlet Desamall telah dibuka sebagai pusat jualan pengumpulan dan pameran produk-produk usahawan sebagai menyokong usahawan sebelum, semasa dan selepas menyertai program ini. Berikut adalah lokasi-lokasi outlet Desamall:

- a. Desamall@Ipoh, Perak;
- b. Desamall@PERDA, Pulau Pinang;
- c. Desamall@Lipis, Pahang;
- d. Desamall@Mersing, Johor;
- e. Desamall@KKDW, Putrajaya;
- f. Desamall@KIMAR, Kuala Lumpur; dan
- g. Desamall@Kelana Jaya, Selangor

Disediakan Oleh:

**Unit Komunikasi Korporat**

**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**

**14 Februari 2023**